

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah pendapatan per kapita Sabah hanya USD5,000 atau RM25,000 berbanding USD10,741 atau RM44,686 pada tahun 2019. Apakah ini disebabkan penduduk asing yang tidak layak telah diambil kira.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendapatan per kapita bagi sesebuah negeri diperoleh dengan membahagikan nilai keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada suatu tahun dengan jumlah penduduk dalam negeri tersebut pada tahun yang sama. Jumlah penduduk negeri merujuk kepada keseluruhan penduduk yang tinggal dalam negeri tersebut termasuk warganegara dan bukan warganegara. Konsep dan kaedah yang digariskan dalam penyusunan KDNK Negeri adalah berdasarkan *System of National Account (SNA)* 2008 yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Manakala, klasifikasi penyusunan KDNK mengikut negeri adalah menggunakan pakai *Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC)* 2008 Version 1.0 yang berdasarkan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)*, Revision 4.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KDNK per kapita bagi Negeri Sabah sebanyak RM25,832 atau USD6,402 adalah merupakan

data bagi tahun 2018. KDNK per kapita Sabah pada tahun 2019 pula ialah sebanyak RM25,326 atau USD6,114. KDNK per kapita ini adalah 45.5% lebih rendah daripada paras nasional sebanyak RM46,450 atau USD11,214. Data ini turut mengambil kira sumbangan daripada warganegara dan bukan warganegara termasuk pendatang asing tanpa izin.

3. Struktur ekonomi Sabah masih bergantung kepada sektor berasaskan komoditi iaitu sektor pertanian serta sektor perlombongan dan pengkuarian yang menyumbang 42.4% kepada KDNK Sabah. Walau bagaimanapun, kedua-dua sektor tersebut mencatat pertumbuhan negatif masing-masing sebanyak 0.8% dan 6.0% pada tahun 2019. Keadaan ini didorong oleh kemerosotan dalam aktiviti petroleum dan gas asli serta penurunan dalam pengeluaran kelapa sawit dan getah.

4. Menyedari hal ini, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah untuk meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Selain itu, bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan tidak bertumpu kepada sesuatu wilayah sahaja, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara, terutamanya di negeri yang kurang membangun. Pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economic hot spots*, akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan.

5. Kerajaan komited untuk melaksanakan pembangunan yang seimbang merentasi wilayah dan negeri bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity*.

Sekian, terima kasih.